

Melindungi kanak-kanak semasa COVID-19

Tip untuk pekerja sosial dan pengamal kebajikan sosial

#8- Pusat Jagaan: Memastikan kanak-kanak dan kakitangan selamat semasa krisis COVID-19


Menjaga kanak-kanak dalam pusat jagaan berkediaman dan kakitangan yang menjaga mereka, selamat dan sihat semasa krisis COVID-19 adalah satu cabaran.

Namun, ada perkara yang anda boleh lakukan untuk mencegah penularan, merawat orang sakit dan memastikan kanak-kanak di pusat itu sentiasa sihat dan selamat.

Untuk mencegah penularan penyakit coronavirus, rawat seseorang yang sakit dan pastikan kanak-kanak berada di pusat jagaan kekal selamat dan sihat:

- Hadkan interaksi luar
- Amalkan penjarakan sosial di dalam kawasan pusat jagaan berkediaman
- Amalkan kawalan jangkitan
- Mendengar, memberi semangat dan galakkan kepada kanak-kanak dan kakitangan
- Kenalpasti simptom awal dan pastikan penjagaan kepada yang sakit

Selanjutnya: bagaimana untuk mencapai setiap daripada tindakan di atas



Melindungi kanak-kanak semasa COVID-19

Tip untuk pekerja sosial dan pengamal kebajikan social

#8- Pusat Jagaan: Memastikan kanak-kanak dan kakitangan selamat semasa krisis COVID-19

Pekerja sosial dan pengamal, anda wajar mendapat pujian!

Terima kasih atas sokongan berterusan kepada kanak-kanak dan keluarga yang memerlukan, walaupun dalam masa yang penuh cabaran ini. Anda adalah wira.



Hadkan interaksi luar

Hadkan mereka yang keluar dan masuk ke pusat jagaan berkediaman sekerap mungkin yang boleh. Semakin sedikit orang dari luar berurusan dengan kakitangan dan kanak-kanak di pusat jagaan, semakin kurang peluang untuk terdedah kepada orang yang mempunyai virus.

- Hanya kakitangan penting, iaitu mereka yang bertanggungjawab untuk keperluan fizikal, emosi dan keselamatan kanak-kanak yang berada dalam jagaan, yang harus melapor diri ke tempat kerja.
- Galakkan kakitangan penting untuk tinggal di pusat jagaan bagi meminimalkan pendedahan kepada virus.
- Hentikan lawatan dan sebarang acara yang melibatkan orang yang datang dari luar institusi untuk menyertai aktiviti di pusat jagaan
- Jangan bawa kanak-kanak keluar dari pusat jagaan: kanak-kanak tidak perlu hadir ke sekolah, kegiatan agama, pergi ke pasar atau acara sukan.
- Menerima semua barang penghantaran ke pusat jagaan di pintu masuk dan mengekalkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1.5 meter dengan penghantar barang.

Amalkan penjarakan sosial dan dalam kawasan Rumah Jagaan Berkediaman

Amalkan penjarakan sosial dan dalam kawasan Rumah Jagaan Berkediaman samada di ruang makan, asrama, dan ruang umum yang lain dengan:

- Jarak tempat tidur 1.5 meter mungkin perlu disusun semula untuk memastikan penjarakan sosial. Setiap kanak-kanak dan kakitangan mesti mempunyai tempat tidur mereka sendiri, tempat tidur tidak boleh dikongsi. Asrama mesti disanitasi dengan baik.
- Menghidangkan makanan secara bergilir, makan di luar atau menggunakan ruang lain untuk memudahkan penjarakan sosial: makanan tidak boleh dikongsi.




Melindungi kanak-kanak semasa COVID-19

Tip untuk pekerja sosial dan pengamal kebijakan social

#8- Pusat Jagaan: Memastikan kanak-kanak dan kakitangan selamat semasa krisis COVID-19

Pekerja sosial dan pengamal, anda wajar mendapat pujian!

Terima kasih atas sokongan berterusan kepada kanak-kanak dan keluarga yang memerlukan, walaupun dalam masa yang penuh cabaran ini. Anda adalah wira.



Amalkan kawalan jangkitan

Mana-mana kakitangan yang memasuki semula pusat jagaan berkediaman selepas berada di luar, mesti mengikuti prosedur kawalan jangkitan sebelum masuk, terutama membasuh tangan.

Bersihkan semua permukaan, dan kawasan yang sering disentuh (tombol pintu, peralatan dapur dll), secara berkala dengan peluntur yang dicampur air (satu penutup peluntur dalam 5 cawan air bersih)

Nyahkan semua barang yang dibawa masuk ke pusat jagaan dengan segera sebelum digunakan.

Bertegas untuk penjagaan kebersihan diri dan sediakan bekalan yang sesuai untuk semua kanak-kanak dan kakitangan:

- Kerap cuci tangan dengan sabun sekurang-kurangnya selama 20 saat atau guna pembersih berasaskan alkohol.
- Pasang papan tanda di sebelah basin, di belakang pintu tandas dan lokasi lain yang mudah dilihat untuk mengingatkan kanak-kanak dan kakitangan, kaedah mencuci tangan yang ketat.
- Biarkan kanak-kanak saling mengajar cara mencuci tangan sesama sendiri.
- Galakkan penggunaan pelitup muka oleh semua orang termasuk kanak-kanak dan kakitangan, dan beri peringatan kepada semua orang agar tidak menyentuh wajah mereka.
- Bersin ke arah siku yang dibengkokkan, buang tisu dengan betul, dan basuh tangan dengan sabun dengan air mengalir sejeurus selepas itu.
- Elakkan hubungan fizikal dengan semua orang seperti bersalaman, berpelukan dan bercium.



Melindungi kanak-kanak semasa COVID-19

Tip untuk pekerja sosial dan pengamal kebajikan social

#8- Pusat Jagaan: Memastikan kanak-kanak dan kakitangan selamat semasa krisis COVID-19



Pekerja sosial dan pengamal, anda wajar mendapat pujian!

Terima kasih atas sokongan berterusan kepada kanak-kanak dan keluarga yang memerlukan, walaupun dalam masa yang penuh cabaran ini. Anda adalah wira.

Mendengar, memberi semangat dan galakkan kepada kanak-kanak dan kakitangan

Bersikap menyokong dan mendengar secara aktif kepada semua kanak-kanak di bawah penjagaan anda pada masa yang tidak menentu ini. Sekiranya mereka menunjukkan tanda-tanda kebimbangan atau tekanan, luangkan masa untuk mendengarnya. Terokai keprihatinan mereka dan yakinkan serta tenangkan dan jelaskan dengan cara yang mesra kanak-kanak mengenai apa yang sedang berlaku.

Galakkan kesejahteraan kanak-kanak, termasuk dalam menjaga rutin harian dan latihan

Galakkan kanak-kanak untuk terus berhubung dengan keluarga mereka melalui panggilan telefon dan teks kerana ini akan membantu menenangkan kerisauan dan ketakutan mereka.

Sekiranya kakitangan atau kanak-kanak boleh mendapat manfaat daripada beberapa nasihat profesional mengenai isu psikososial, hubungi Hotline:

- WAO Hotline: 03 7956 3488
- TINA WhatsApp: 018 988 8058
- Talian Kasih: 15999 atau WhatsApp 019 261 5999
- Befrienders KL: 03 7956 8144 atau 03 7956 8145

Kenalpasti simptom awal dan pastikan penjagaan kepada yang sakit

Gunakan termometer inframerah untuk melakukan pemeriksaan setiap ahli di pusat jagaan berkediaman (kakitangan dan kanak-kanak) untuk mengesan demam lebih awal, kerana ini adalah gejala utama penyakit coronavirus.

Siapkan bilik pengasingan untuk kanak-kanak dan kakitangan yang mungkin menunjukkan gejala penyakit coronavirus. Adalah penting untuk mengasingkan mereka yang mempunyai simptom dengan cepat, dan kemudian segera memberitahu pusat kesihatan untuk mendapatkan panduan.

